PdPR 2

Tarikh : 23/8/2021 (Isnin)
Masa : 11:45 pagi hingga 1:45 tengah hari.
Tajuk: Sains dan Makanan.
Aspek Tatabahasa (Ayat Tunggal dan perluasan Subjek dan Predikat. Rujuk halaman 125

Contoh:

Ayat Tunggal: Emak membasuh kain.

Perluasan Subjek: Emak rajin membasuh kain. (Perluasan Subjek rajin).

Perluasan Predikat: Emak membasuh kain di sungai. (Perluasan Prediket di sungai).

Latihan 1:

Isikan tempat kosong di bahagian perluasan subjek dan prediket dengan perkataan yang sesuai.

1. Ayat Tunggal: Keluarga Farisha sedang menjamu selera.

Perluasan Subjek: Keluarga_____ Farisha sedang menjamu selera. (bahagia/porak-peranda).

Perluasan Predikat: Keluarga Farisha sedang menjamu selera_____. (di restoran/di bilik air).

2. Ayat Tunggal: Makanan yang dihidangkan sungguh lazat.

Perluasan Subjek: Makanan _____ yang dihidangkan sungguh lazat. (cerah/tengah hari).

Perluasan Predikat: Makanan yang dihidangkan sungguh_____dan lazat. (sedap/pedas).

3. Ayat Tunggal: Adik tidak suka makan ulam.

Perluasan Subjek: Adik _____tidak suka makan ulam. (kecil/malas).

Perluasan Predikat: Adik tidak suka makan ulam kerana_____. (pahit/manis).

4. Ayat Tunggal: Ulam itu rasanya pahit.

Perluasan Subjek: Ulam_____ itu rasanya pahit. (hijau/raja).

Perluasan Predikat: Ulam itu rasanya pahit dan _____. (kelat/manis).

5. Ayat Tunggal: Tapai itu rasanya sangat manis.

Perluasan Subjek: Tapai_____ itu rasanya sangat manis. (yang dibuat oleh emak /yang ada tadi).

Perluasan Predikat: Tapai itu rasanya sangat manis dan_____. (segar/masin).

LIVEWORKSHEETS